

# JANM akan bangunkan Piawaian Perakaunan Islam

**PUTRAJAYA** - Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membangunkan Piawaian Perakaunan Islam untuk membentuk pelaporan kewangan Islam bagi wakaf, zakat dan baitumal untuk digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah berkata, usaha untuk membangunkan piawaian perakaunan itu adalah untuk membantu menyeragamkan pelaporan kewangan institusi-institusi Islam di negara ini.

Menurutnya, bagi merealisasikan inisiatif tersebut, JANM memeterai perjanjian dengan tiga universiti untuk mendapatkan maklumat yang lebih komprehensif bagi membangunkan piawaian tersebut.

Universiti tersebut ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Utara Malaysia.

“Melalui penyelidikan ini, kita akan dapat mengenalpasti jurang yang wujud di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan wakaf, zakat dan baitumal dengan keperluan piawaian perakaunan Islam,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.